

# DIALEK MELAYU DI LEMBAH SUNGAI KRIAN: VARIASI MELAYU SARIBAS ATAU REJANG?

*(The Malay Dialect in Krian River Valley: A Variation of Saribas or Rajang Malay?)*

Chong Shin

chongshin2002@yahoo.com

Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel.: +603-89213695

## Abstrak

Di Sungai Krian (Sarawak), dialek Melayu merupakan *lingua franca* utama. Dialek ini dituturkan oleh suku Melayu di sepanjang sungai ini dan merupakan bahasa interaksi etnik utama di pekan Saratok. Setakat ini, hanya sedikit penelitian berkaitan dengannya dan tiada penelitian yang komprehensif, khususnya klasifikasi terhadap dialek ini. Jadi status dialek ini dan hubungannya dengan dialek Melayu di sekitarnya (dialek Melayu Saribas dan Rejang) belum dapat dipastikan lagi. Kajian ini menggunakan tiga ciri fonologi umum yang wujud dalam dialek Melayu Saribas dan Rejang, iaitu perubahan yang berlaku terhadap bunyi /-a/, /-y/ dan /-l/ untuk menguji kedudukan dialek Melayu di Sungai Krian. Hasil kajian mendapati bahawa dialek Melayu tersebut merupakan variasi Melayu Saribas dengan memperlihatkan penjelmaan /-a/ kepada [-ɔ], /-l/ kepada [-a] atau [-y], dan /-y/ kepada [-ə]. Hal ini berlainan daripada fonologi dialek Melayu Rejang yang mengalami pengekalan bunyi: /-a/ sebagai [-a] dan /-l/ sebagai [-l].

Kata kunci: dialek Melayu, Sungai Krian, Saribas, Rejang, fonologi

**Abstract**

*In Krian river (Sarawak), Malay dialect is the main lingua franca. It is spoken by the Malay community along this river and as an important interethnic interaction language in Saratok town. To date, only a few studies were carried out and no comprehensive classification is dealing with this dialect. Hence, the status of this dialect and its relationship with other Malay dialects spoken in the adjacent areas (i.e. the Saribas and Rajang Malay dialects) remain unknown. This study use three common phonological features appeared in Saribas and Rajang Malay dialects (the phonemes of /-a/, /-y/ and /-l/) to examine the status of this Malay dialect. The research result found that the Krian Malay dialect is a variation of Saribas Malay by displaying the changes of /-a/ to [-ə], /-l/ to [-a] or [-y], and /-y/ to [-ə], rather than Rajang Malay which shows the retentions of: /-a/ as [-a] and /-l/ as [-l].*

*Keywords: Malay dialects, Krian River, Saribas, Rajang, phonology*

**PENDAHULUAN**

Istilah dialek Melayu Saratok muncul buat kali pertamanya dalam tulisan Wong dan Aiwan (1996) dan Abang Yusuf Puteh (1996). Dialek Melayu ini, menurut Wong dan Aiwan (1996) ialah "... bahasa pertuturan yang digunakan sehari-hari dalam kalangan masyarakat Melayu Saratok sendiri. Dialek ini juga sering digunakan untuk berhubung dengan masyarakat luar. Semasa berada di luar kawasan Saratok, mereka menggunakan dialek Melayu Sarawak untuk berinteraksi dengan masyarakat Melayu yang lain... ." Abang Yusuf Puteh (1996) dalam buku yang memberikan tumpuan kepada kemiskinan suku Melayu di Sungai Krian mengatakan bahawa "dialek Melayu Saratok" hanya merupakan salah satu subdialek Melayu Klaka.<sup>1</sup> Selain dialek Melayu Saratok, terdapat satu lagi variasi, iaitu variasi Kabong. Kenyataan dalam kedua-dua tulisan ini jelas memaklumkan kepada kita bahawa "dialek Melayu Saratok" memang wujud di Sungai Krian. Sesungguhnya, selain tulisan Wong dan Aiwan (1996) dan Abang Yusuf Puteh (1996), hampir tiada maklumat lanjut tentang dialek Melayu di Sungai Krian.

Sehubungan itu, perlu ada penelitian lanjutan untuk menentukan status variasi Melayu di Sungai Krian—sebatang sungai yang diapit oleh Sungai Saribas dan Sungai Rejang (lihat Rajah 1), sama ada mirip dengan variasi

Saribas atau Rejang, ataupun dialek yang tersendiri. Collins (2000) yang membahaskan dialek Melayu di lembangan sungai Saribas dan Rejang kelihatan telah mengabaikan variasi Melayu yang terletak di antara kedua-dua sungai tersebut. Oleh itu, masih wujud satu lompong di kawasan ini yang belum diteliti. Makalah ini bertujuan membuat penggolongan untuk dialek Melayu di Sungai Krian dengan membandingkannya dengan dialek Melayu Saribas dan Rejang. Sebagai batasan kajian, makalah ini tidak menghuraikan struktur linguistik dialek Melayu seperti sistem vokal konsonan, morfologi dan sebagainya. Tumpuan perbincangan adalah terhadap aspek fonologi seperti dalam Jadual 1 yang menjadi penanda pembeza antara dialek Melayu Saribas dengan Rejang.

## KAJIAN LEPAS DAN ULASAN

Bahagian ini menyoroti inti pati linguistik dialek Melayu di lembah Sungai Krian dalam tulisan Abang Yusof Puteh (1996) dan Wong dan Aiwan (1996). Selain itu, ulasan kritis turut dibuat terhadapnya untuk memperoleh persoalan kajian yang dikehendaki.



**Rajah 1** Lokasi Sungai Saribas, Krian dan Rejang.

(Sumber: Abang Yusof, 1996).

### **Abang Yusuf Puteh (1996)**

Menurut penulis ini, dialek Melayu yang dituturkan di daerah Klaka dibahagikan kepada dua subdialek, iaitu (a) Kabong; dan (b) Saratok. Beberapa ciri fonologi dialek Melayu ini telah disenaraikan, iaitu:

- a. Terdapat penyisipan bunyi /o/ untuk membentuk deretan vokal /uo/, misalnya hiduŋ→hiduoŋ “hidung”, kabonŋ → kabuoŋ “nama tempat”, hujonŋ → hujuoŋ “hujung”.
- b. Bunyi /i/ menjadi /ie/, misalnya air → aier “air”, sindir → sindier “sindir”.
- c. /l/ menjadi /i/, misalnya pukol → pukoi “memukul”, asal → asai “asal”, bantal → bantai “bantal”.

Selain menghuraikan ciri bunyi asas dialek ini, tulisan Abang Yusuf Puteh turut memaparkan frasa Melayu Klaka, istilah yang berkaitan dengan masa, bunyi, percintaan, perkahwinan, makanan, pendidikan, tingkah laku, personaliti, hubungan kekerabatan dan sebagainya dalam buku beliau.

### **Wong dan Aiwan (1996)**

Kajian Wong dan Aiwan (1996) dijalankan melalui temu bual dan rakaman perbualan sepuluh orang informan Melayu di pekan Saratok. Data yang dikumpulkan dibincangkan dan dianalisis berdasarkan lima aspek (dengan mengambil bahasa Melayu baku sebagai asas perbandingan), iaitu:

- a. Kosa kata yang tidak mengalami perubahan sebutan.
- b. Kosa kata yang mengalami perubahan sebutan.
- c. Kosa kata asli dialek Melayu Saratok.
- d. Kosa kata yang mengalami perubahan.
- e. Kosa kata pinjaman.

Berdasarkan data yang dihuraikan oleh mereka, khususnya pada (b) kosa kata yang mengalami perubahan sebutan, beberapa ciri bunyi dialek Melayu Saratok telah dikenal pasti, iaitu:

- a. Fonem /a/ pada akhir kata berubah menjadi /o/, walau bagaimanapun fonem /a/ pada lingkungan fonetik lain dikekalkan, contohnya, /kato/ “kata”, /caro/ “cara”, dan /singo/ “singa”.
- b. Pengguguran bunyi /h/ pada awal kata, contohnya, /ati/ “hati”, /ujan/ “hujan” dan /utan/ “hutan”.
- c. Penyisipan bunyi vokal /a/ untuk kata yang berakhir dengan /-uŋ/, /-oŋ/ dan /-uk/, contohnya, /buruaŋ/ “burung”, /kosuaŋ/ “kosong” dan /pujuak/ “pujuk”.
- d. Bunyi nasal velar /ŋ/ berubah menjadi bunyi nasal /n/, contohnya, /kambin/ “kambing” dan /guntin/ “gunting”.
- e. Bunyi /r/ pada akhir kata berubah menjadi /a/, contohnya, /aia/ “air”, /bubua/ “bubur” dan /gugua/ “gugur”.
- f. Bunyi diftong /ai/ berubah menjadi /ey/, manakala /au/ menjadi /o/, contohnya, /kedey/ “kedai”, /bantey/ “bantai”, /pulo/ “pulau” dan /kaco/ “kacau”.

## Ulasan

Dalam kedua-dua kajian yang menyentuh tentang dialek Melayu di Sungai Krian, beberapa kelemahan telah dikenal pasti. Perbincangan Abang Yusuf Puteh kelihatan bertitik tolak daripada disiplin antropologi dan dialek Melayu di Klaka-Krian hanya diterangkan secara sepintas lalu sahaja. Huruf Rumi didapati digunakan untuk menerangkan ciri bunyi dialek Melayu, misalnya semasa menerangkan perbezaan penyebutan /o/ antara variasi Kabong dengan Saratok, beliau mengatakan:

*... the main difference between the two regions [Kabong and Saratok] is the pitch or depth of the sound “o”. It is very much more pronounced in Kabong, quite similar to the way it is spoken in Saribas. The “o” is very round, and it can also be “vibrating”, like the sound in a large jar.*

Tanpa penggunaan simbol fonetik yang standard, adalah amat sukar untuk kita mentafsirkan sesuatu bunyi secara jitu. Tambahan lagi, tulisan beliau tidak signifikan untuk dijadikan sandaran kajian kerana bertitik tolak dari perspektif yang berbeza dan menggunakan ukuran yang berbeza pula.

Makalah Wong dan Aiwan (1996) turut menimbulkan beberapa persoalan. Pertama, mereka mendakwa bahawa wujud proses glotalisasi pada akhir kata yang berakhir dengan vokal. Contohnya, /limaʔ/ “lima”, /isiʔ/ “isi”, /bijiʔ/, /suduʔ/ dan sebagainya. Pada hakikatnya bukan semua kata mengalami glotalisasi. Dalam erti kata lain, terdapat juga kata-kata yang berakhir dengan vokal tidak ditambahkan dengan /ʔ/ umpamanya, /kita/ “kita”, /mata/ “mata”, /dada/ “dada”, /malu/ “malu”, /ulu/ “hulu” dan sebagainya; lihat Collins (1987). Kedua, dari segi perbezaan fonem /ʔ/ dan /k/. Wong dan Aiwan (1996) mendakwa /ʔ/ sepadan dengan /k/. Contohnya, kata untuk “anjing” dan “kucing” masing-masing dilambangkan sebagai /asuk/ dan /pusak/. Berdasarkan rujukan Collins (1987) mendapati bahawa kata-kata ini menunjukkan /ʔ/ dan bukannya /k/ dalam kesemua ragam Melayu Sarawak. Dalam hal ini, kontras antara fonem /ʔ/ dengan /k/ yang merupakan ciri pembeza utama bahasa Melayik di Borneo Barat telah diabaikan oleh mereka. Ketiga, tulisan mereka kelihatan menggunakan bahasa Melayu baku sebagai sumber perbandingan. Kaedah ini tidak menunjukkan kesahihan kerana bahasa Melayu baku bukannya bahasa mutlak untuk kajian perbandingan dan membuat rekonstruksi. Untuk menentukan jenis perubahan yang terjadi, harus diperiksa data bahasa serumpun ataupun data bahasa purba yang menurunkan bahasa Melayu dan bahasa serumpunnya (Collins, 1989).

Walaupun tidak selaras dari segi perlambangan bunyi bahasa dalam kajian Abang Yusuf Puteh (1996) dan Wong dan Aiwan (1996), gambaran kasar tentang ciri fonologi dialek Melayu di Sungai Krian dalam kedua-dua kajian ini ialah:

- a. bunyi [o] merupakan alofon kepada /a/ pada akhir kata;
- b. terdapat penjelmaan bunyi /r/ pada akhir kata;
- c. penjelmaan bunyi /-l/ menjadi /-y/;
- d. diftong /-ay/ menjelma menjadi /-ey/; dan
- e. diftong /-aw/ menjadi [o].

Penemuan ciri fonologi dialek Melayu di Sungai Krian ini menyediakan kerangka asas untuk kajian perbandingan yang menguji pertalian linguistiknya dengan dialek Melayu di sekitarnya. Secara keseluruhannya, memang kajian dialek Melayu di daerah Sungai Krian belum memadai dan banyak yang masih di luar pengetahuan kita. Adakah dialek ini merupakan variasi bahasa yang tersendiri ataupun salah satu variasi dari dialek Melayu di sistem sungai berhampiran? Sesungguhnya, persoalan sedemikian tidak mudah dijawab tanpa adanya data yang memadai dari Sungai Saribas, Rejang dan Sungai Krian sendiri.

## **CIRI KHAS DIALEK MELAYU SARIBAS DAN REJANG**

Setelah hampir dua puluh tahun sejarah penelitian dialek di lembangan Sungai Saribas, beberapa ciri fonologi variasi Melayu Saribas, yang berbeza dengan varian Melayu Kuching (lihat Collins, 1987), dikenal pasti. Begitu juga dengan dialek Melayu di sepanjang Sungai Rejang; lihat misalnya Fatimah @ Salamiah (1986) dan Collins (2000). Bahagian ini memaparkan beberapa ciri khas fonologi dialek Melayu Saribas dan Rejang.

### **Ciri Khas Dialek Melayu Saribas**

Secara kumulatif, dialek Melayu yang dituturkan di sepanjang sungai Saribas pada umumnya memaparkan tiga ciri bunyi seperti yang berikut:<sup>2</sup>

- i. Bunyi /a/ pada akhir kata wujud sama ada sebagai [aw] atau [ɔ].
- ii. Kesepadanan bunyi /l/ dengan [ɛ], [a] atau [-y].
- iii. Bunyi /ɣ/ wujud sebagai [-a], [-e] (atau [-ɛ]), [ə] atau konsonan panjang.

### **Ciri Khas Dialek Melayu Rejang**

Menurut Collins (2000), dialek Melayu Sungai Rejang lebih mirip dengan dialek Melayu Sarawak (Collins, 1987). Walaupun mirip, dialek ini menunjukkan perbezaan dengan dialek Melayu Sarawak dari segi konsonan /ɣ/ pada akhir kata, iaitu hampir semua subdialek Sarawak memperlihatkan pengejalan /ɣ/ pada posisi akhir kata sebagai [ɣ], sedangkan dalam dialek

**Jadual 1** Perbandingan ciri khas dialek Melayu Saribas dan Rejang.

Dialek Melayu Saribas	Dialek Melayu Sungai Rejang
i. /a/ pada akhir kata wujud sama ada sebagai [aw] atau [ɔ], bergantung pada daerah.	Vokal /a/ tetap wujud sebagai [a] pada posisi akhir kata.
ii Kesepadanan bunyi /l/ dengan [ɛ], [a] atau [-y].	Tiada kesepadanan dalam bunyi /l/
iii Bunyi /ɣ/ tidak wujud pada akhir kata. Sebaliknya menjelma sebagai [-a], [-e] (atau [-ɛ]), [ə] atau konsonan panjang.	Juga tidak wujud pada posisi akhir kata. Namun bunyi /ɣ/ wujud sebagai [ə] atau konsonan panjang sahaja.

Melayu Rejang (dan juga Saribas), /ɣ/ tidak pernah muncul pada posisi akhir kata. Jadual berikut merupakan perbandingan antara ciri Melayu Saribas, (i)-(iii), dengan dialek Melayu Sungai Rejang.

### **Kedudukan Dialek Melayu di Sungai Krian**

Abang Yusuf Puteh (1996) pernah menyentuh sepintas lalu kedudukan dialek Melayu di Sungai Krian dengan mengatakan fonologi variasi Kabong (variasi yang dituturkan di hilir sungai Krian) mirip dengan Saribas. Namun demikian, tiada maklumat tambahan diberikan tentang variasi Melayu yang dituturkan di kampung lain di Sungai Krian. Untuk menentukan kedudukan dialek Melayu di sungai ini, dialek Melayu seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 digunakan sebagai data perbincangan.<sup>3</sup>

Untuk menguji kedudukan dialek Melayu di Sungai Krian, bunyi akhir, iaitu vokal /-a/, konsonan /-l/ dan /-ɣ/ yang menjadi penentu variasi Melayu Saribas atau Rejang dijadikan sebagai kerangka kajian; lihat Jadual 1.

#### **i. Vokal /a/ Pada Akhir Kata Terbuka**

Untuk kategori ciri bunyi ini, didapati bahawa kesemua dialek Melayu yang dikumpulkan baik dari kampung Kupang, Prepat dan Kabong memaparkan [ɔ] sebagai alofon kepada /a/ pada akhir kata terbuka. Vokal /a/ pada posisi lain tetap sebagai [a]. Contohnya dalam Jadual 3.



**Jadual 2** Sumber dan data perbincangan.

Dialek Melayu		
Sungai Klaka-Krian	Sungai Rejang	Sungai Saribas
Kupang	Belaga	Data sekunder daripada Chong (2007), Rahani (2006) dan Collins (2000)
Prepat	Kanowit	
Kabong	Sibu	

**Jadual 3** Vokal /-a/ dan alofonnya dalam variasi Melayu di Sungai Krian dan Rejang.

Erti	Sungai Krian			Sungai Rejang		
	Kupang	Prepat	Kabong	Belaga	Kanowit	Sibu
Mata	matɔ	matɔ	matɔ	mata	mata	mata
Dada	dadɔ	dadɔ	dadɔ	mata	dada	dada
Paha	pɔ:	pɔ:	pɔ:	pa:	pa:	pa:
Muka	mukɔ	mukɔ	mukɔ	muka	muka	muka
Nama	namɔ	namɔ	namɔ	nama	nama	nama
Kerja	kəɣjɔ	kəɣjɔ	kəjɔ	kəja	kəja	kəja

Berdasarkan data, jelas bahawa variasi Melayu di Sungai Klaka-Krian dan Saribas memaparkan [ɔ] sebagai alofon /a/. Variasi Melayu di Sungai Rejang sebaliknya mengekalkan [a] pada posisi akhir kata.

## ii. Kesepadanan Bunyi /l/

Ciri bunyi kedua yang menentukan kedudukan variasi Melayu Krian ialah konsonan /l/ pada akhir kata. Seperti yang ditampilkan dalam Jadual 1, konsonan /l/ sepadan dengan [ɛ], [a] atau [-y] dalam dialek Melayu Saribas, mengikut daerah persebaran. Dialek yang tergolong sebagai

variasi Melayu Rejang sebaliknya akan memperlihatkan /-l/ tetap kekal sebagai [l]. Perhatikan contoh dalam Jadual 4.

Berdasarkan data, bunyi /-l/ dalam variasi Melayu Sungai Krian sepadan dengan [y]. Corak kesepadanan ini mirip dengan variasi Saribas di kampung Spaoh, Bungin dan Serembang; lihat Rahani (2006). Kelainan penjelmaan pada kata “katil”, “ketel” dan “kail” dalam variasi Saribas (sebagai [a] di Semarang, Pusa’, Beladin dan Serabang, sebagai [ε] di Betong; lihat Jadual 5) juga dikesani dalam variasi di Sungai Krian (sebagai /ketia/).<sup>4</sup>

iii. **Konsonan /-y/**

Ciri fonologi ketiga yang membezakan dialek Melayu Sarawak dengan dialek Melayu di Saribas dan Rejang adalah dari segi penjelmaan bunyi /-y/. Dalam dialek Melayu Sarawak, bunyi /-y/ tetap sebagai [-y], manakala

**Jadual 4** Penjelmaan konsonan /-l/ dalam variasi Melayu di Sungai Krian dan Rejang

	Sungai Krian			Sungai Rejang		
Erti	Kupang	Prepat	Kabong	Belaga	Kanowit	Sibu
Timbul	timbuy	timbuy	timbuy	timbol	timbol	timbol
Bantal	bantay	bantay	bantay	bantal	bantal	bantal
Botol	botuy	botuy	botuy	botol	botol	botol
Bakul	bakuy	bakuy	bakuy	bakol	bakol	bakol
Ketel	ketia	ketia	ketia	ketel	ketel	ketel
Tumpul	tumpuy	tumpuy	tumpuy	tumpol	tumpol	tumpol
Cangkul	caᅅkuy	caᅅkuy	caᅅkuy	caᅅkol	caᅅkol	caᅅkol
Tebal	təbay	təbay	təbay	təbal	təbal	təbal

**Jadual 5** Penjelmaan /-l/ dalam variasi Melayu Saribas.

Erti	Semarang	Pusa	Beladin	Serabang	Betong
Tumpul	tumpuy	tumpuy	tumpuy	tumpuy	tumpuy
Botol	botuy	botuy	botuy	botuy	botuy
Bakul	bakuy	bakuy	bakuy	bakuy	bakuy
Katil	katia	katia:	katia	katia	kate:
Ketel	ketia	ketia:	ketia	ketia	kete
Kail	kaia:	kaia:	ŋaia:	--	ŋaε:

dalam dialek Melayu Saribas dan Rejang, penjelmaan bunyi tersebut adalah seperti yang berikut:

#### Dialek Melayu Saribas

/-y/ > [-a], [-e], [-ə], [ : ]

#### Dialek Melayu Rejang

/-y/ > [-a], [-ə], [ : ], [-ʔ]

Contoh kata daripada dialek Melayu Saribas dan Rejang yang menunjukkan penjelmaan tersebut adalah seperti dalam Jadual 6.

Dalam variasi Melayu di Sungai Krian, konsonan /-y/ didapati menjelma sebagai [-ə]; lihat Jadual 7. Namun jika hanya berdasarkan ciri bunyi ini, adalah amat sukar untuk menentukan kedudukan dialek Melayu ini kerana baik variasi Melayu di Saribas mahupun di bahagian hilir Rejang memiliki penjelmaan yang sama. Jika dilihat pada data dari Saribas (kampung Sebeban dan Debak) dan Bintangor dalam Jadual 6, ternyata

**Jadual 6** Penjelmaan konsonan /-l/ dalam variasi Melayu di Sungai Krian dan Rejang

Erti	Saribas		Rejang	
	/-y/ > [-a], [-e], [-ə] atau [ : ]		/-y/ > [-ə], [ : ] atau [-ʔ]	
	Sebemban*	Debak*	Bitanagor*	Belaga
Menampar	nampaə	tampa:	tampaə	tampaə
Sengkar	səŋkaə	səŋka:	səŋka:	səŋka <sup>ə</sup>
Jatuh	guguə	gugua	gugɔə	gugɔ <sup>ə</sup>
Air	ai <sup>ə</sup>	aia	ae <sup>ə</sup>	aeʔ
Ekor	ikue	ikua	ikɔə	iko <sup>ə</sup>


(Sumber: \*Berdasarkan data Collins (2000))

Bintangor yang terletak di bahagian hilir Sungai Rejang memaparkan ciri fonologi (penjelmaan /-y/) yang sama dengan Saribas, iaitu sebagai [-ə]. Sesungguhnya penentuan kedudukan dialek harus dirujuk pada data yang lebih luas. Kajian ini mendapati terdapat penjelmaan /-y/ yang berbeza dalam kata “air” pada variasi di bahagian hulu dengan di bahagian hilir Sungai Rejang. Dalam hal ini, konsonan /-y/ menjelma sebagai [-ʔ] (dalam kata “air”) pada variasi Belaga, iaitu sebuah pekan di bahagian hulu Rejang. Ciri fonologi ini menjadi antara penentu variasi Saribas dan Rejang. Paparan yang berikut merupakan data dialek Melayu di Sungai Krian yang menunjukkan penjelmaan /-y/ > [-ə].

Berdasarkan huraian di atas, penggolongan variasi Melayu (Kucing, Saribas, Krian dan Rejang) berdasarkan ciri persamaan dan perbezaan fonologi adalah seperti Rajah 2. Jelas ditunjukkan di sini bahawa dialek-dialek Melayu di Sungai Krian merupakan variasi Melayu Saribas.

**Jadual 7** Penjelmaan konsonan /ɣ/ > [ə] dalam variasi Melayu di Sungai Krian.

Erti	Kupang	Prepat	Kabong	Kaba'
Menampar	tampaə	tampaə	tampaə	nampaə
Sengkar	səŋkaə	səŋkaə	--	səŋka <sup>ə</sup>
Jatuh	guguə	guguə	guguə	gugu <sup>ə</sup>
Air	aia <sup>ə</sup>	aiə	aia <sup>ə</sup>	aia <sup>ə</sup>
Ekor	ikuə	ikuə	ikuə	iku <sup>ə</sup>



**Rajah 2** Penggolongan variasi Melayu (Kuching, Saribas, Krian dan Rejang) berdasarkan persamaan dan perbezaan fonologi.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah menggunakan data dari Sungai Saribas dan Rejang untuk menentukan kedudukan variasi Melayu di Sungai Krian. Tiga ciri fonologi yang digunakan sebagai perbandingan, perubahan yang berlaku pada bunyi /-a/, /-ɣ/ dan /-l/. Hasil daripada kajian mendapati bahawa dialek Melayu tersebut merupakan variasi Melayu Saribas dengan memperlihatkan

penjelmaan /-a/ > [-ə], /-l/ > [-a] atau [-y], dan /-ɣ/ > [-ə]. Keadaan ini ternyata amat berlainan dengan dialek Melayu Rejang yang menggunakan /-a/ > [-a] dan /-l/ > [-l]. Dari segi fonem /-ɣ/ di Sungai Rejang, didapati terdapat perbezaan penjelmaan antara variasi di bahagian hulu dan hilir untuk kata “air”. Di bahagian hilir, penjelmaannya mirip dengan Sungai Krian dan Saribas, iaitu sebagai [-ə] manakala di bahagian hulu, bunyi ini wujud sebagai [-ʔ]. Walaupun pada umumnya ciri fonologi Melayu Krian mendekati variasi Saribas, namun wujud beberapa ciri dialektal tersendiri, seperti yang dinyatakan oleh Abang Yusuf Puteh (1996). Kajian yang berfokus kepada mencari kedudukan dialek ini sebaliknya tidak membincangkannya. Diharapkan peneliti pada masa akan datang dapat membicarakan perkara ini.

## NOTA

1. Kawasan di sekitar lembah Krian juga dikenali sebagai daerah Klaka.
2. Lihat Collins (1987; 2000), Rahani (2006) dan Chong (2003; 2007).
3. Data dialek Melayu dari Sungai Krian dan Rejang dikumpulkan oleh penulis. Dari segi kaedah, data ini dikumpulkan dengan berpandukan daftar kata yang diubah suai daripada Daftar Swadesh. Daftar ini mengandungi kira-kira 450 patah perkataan yang merangkumi aspek anggota badan, perbuatan, tumbuhan, haiwan, angka, peralatan dan sebagainya. Semasa mengumpulkan data, kata-kata tersebut tidak disampaikan secara lisan kepada informan, sebaliknya diungkapkan dalam bentuk gerak geri badan ataupun menunjukkan objek yang berkaitan. Langkah ini adalah untuk mengelakkan informan daripada dipengaruhi oleh sebutan baku. Informan dikehendaki menyebutkan sesuatu kata tersebut dalam dialek mereka. Hasil pengucapan informan kemudian dicatatkan dengan menggunakan lambang fonetik standard.
4. Sebenarnya pengaruh bunyi vokal tinggi /i/ terhadap konsonan /l/ pada akhir kata lumrah dijumpai dalam bahasa Melayu baku. Contohnya kata “kecil” dan “ambil”, kedua-dua kata ini berakhir dengan konsonan /l/ dan mengikuti vokal depan tinggi, disebut dengan bunyi hentian glotis iaitu [kəciʔ] dan [ambiʔ]. Jadi boleh ditafsirkan bahawa kelainan /l/ dalam dialek Melayu Sungai Krian (Jadual 4) dan Saribas (Jadual 5) dipengaruhi oleh kehadiran vokal /i/ sebelumnya. Di samping itu, bunyi tinggi /i/ juga didapati mempengaruhi bunyi nasal /-ŋ/ dalam dialek Melayu di Sarawak, iaitu menjadi nasal /-n/. Contohnya /kəniŋ/ “kening” → [kənin], /dindiŋ/ “dinding” → [dindin] dan sebagainya.

## RUJUKAN

- Abang Yusuf Puteh, 1996. *River of the Dry Tears: The Poor Malays of Sarawak*. Kuching: Shobra Publications Sdn. Bhd.
- Chong Shin, 2003. "Research in Saribas Valley: An Interim Report". Kertas kerja yang dibentangkan di Workshop on Ethnic Minorities in Southeast Asia, tajaan The Southeast Asia Studies Regional Exchange Program (SEASREP), anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 29-30 Mac.
- Chong Shin, "Bahasa Iban dan Dialek Melayu di Saribas" dlm. *Sarawak Museum Journal* LXII:83, hlm. 85-106, 2007.
- Chong Shin, "Dialek-dialek Melayu di Lembah Baram" dlm. *Jurnal SARI* 27:2, hlm. 59-71, 2009.
- Collins, J. T., "Kepelbagaian dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang" dlm. *Jurnal Dewan* 44:1, hlm. 2-17, 2000.
- Collins, J.T., 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T., 1999. *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah @ Salamiah Mahdini, 1996. "Kosa Kata dan Sintaksis Dialek Melayu Sibul". Latihan ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Rahani Hosin, 2006. "*Varian Melayu di Lembangan Batang Saribas: Satu Penelitian Dialek Geografi*". Disertasi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wong, Khek Seng dan Aiwan@Noraini Alli, "Kosa kata Dialek Melayu Saratok: Satu Tinjauan Awal" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 40:6, hlm. 541-48, 1996.